



**IBRAHIM KOMOO (kiri) bersama Kamarudin Hussin (tengah) dan Mohd. Noh Dalimin dalam sidang akhbar selepas Mesyuarat JKNCR Bilangan Ke-3 di UTHM, Batu Pahat, Johor, semalam.**

Terlalu kejar gelaran global hingga lupa bahasa kebangsaan

# Utama bahasa Melayu

Oleh **MUHAMAD AIMY AHMAD**

pengarang@utusan.com.my

■ **BATU PAHAT 15 DIS.**

**J**AWATANKUASA Naib Canselor dan Rektor (JKNCR) institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang bermesyuarat hari ini mengingatkan semua universiti agar tidak alpa dalam usaha memartabatkan bahasa Melayu seiring dengan pencapaian di peringkat global.

Timbalan Pengerusinya, Prof. Emeritus Datuk Dr. Ibrahim Komoo berkata, terdapat sesetengah universiti yang terlalu mengejar taraf global kini sehingga 'terlupa' untuk menjaga dan menghargai bahasa kebangsaan.

Menurutnya, kecenderungan untuk menggunakan bahasa asing terutamanya bahasa Inggeris sebagai bahasa ilmu menyebabkan bahasa Melayu yang mempunyai keunikan dan identiti tersendiri sering dipinggirkan.

"Kecenderungan untuk bergerak pantas dalam bahasa Inggeris hari

*Utusan Malaysia 16/12/2014 m/s 23*

ini telah menular, jadi kenyataan kita ini adalah sebagai peringatan kepada IPTA tempatan agar menyeimbangkan bahasa Melayu dengan pergerakan mereka di peringkat antarabangsa," katanya.

Beliau yang juga Naib Canselor Universiti Malaysia Terengganu (UMT) berkata demikian dalam sidang akhbar selepas Mesyuarat JKNCR Bilangan Ke-3 di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) di sini hari ini.

Mesyuarat yang dipengerusikan Naib Canselor Universiti Malaysia Perlis (Unimap), Prof. Datuk Dr. Kamarudin Hussin itu turut dihadiri Naib Canselor UTHM, Prof. Datuk Dr. Mohd. Noh Dalimin dan naib-naib canselor serta rektor IPTA lain.

Sementara itu, Kamarudin berkata, penggunaan bahasa kebangsaan tidak akan menjejaskan pencapaian universiti di peringkat global kerana sejak dahulu lagi bahasa Melayu digunakan dengan banyak dalam terjemahan dan kata istilah.

"Sekiranya ada universiti mahu



**Sekiranya ada universiti mahu menghasilkan sesuatu jurnal atau penerbitan, mereka mesti masukkan bahasa Melayu dalam karya tersebut."**

**PROF. EMERITUS DATUK DR. IBRAHIM KOMOO**  
 Timbalan Pengerusi JKNCR

menghasilkan sesuatu jurnal atau penerbitan, mereka mesti masukkan bahasa Melayu dalam karya tersebut sama ada berbentuk petikan dan sebagainya.

"Kalau pihak luar mahu, mereka perlu menterjemah ilmu yang kita ada dan jangan takut orang tidak faham kerana bahasa-bahasa lain seperti Cina atau Jepun tidak ada masalah," katanya.